



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
مجلس بندراءي فتالينج جايا



# PELAN STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA **2021 – 2025**

**“PETALING JAYA KE ARAH BANDAR RAYA PINTAR, MAMPAK, BERDAYA TAHAN DAN DINAMIK MENJELANG 2025”**

# **PELAN STRATEGIK**

## **MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

# **2021 - 2025**

**CETAKAN TAHUN 2021**



	Muka Surat
<b>1. Pendahuluan</b>	1
1.1 Perutusan Datuk Bandar	2
1.2 Ringkasan Eksekutif	3
<b>2. Pengenalan Kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya</b>	4
2.1 Latar Belakang Organisasi	5
2.2 Kawasan Pentadbiran	6
2.3 Maklumat Umum Petaling Jaya	7
2.4 Carta Organisasi	8
2.5 Fungsi & Peranan	9
2.6 Punca Kuasa	10
2.7 Pihak Berkepentingan Organisasi	11
2.8 Isu-isu dan Cabaran Dalaman dan Luaran	12
2.9 Platform Interaksi Bersama Pihak Berkepentingan Organisasi	14
<b>3. Hala Tuju Strategik Majlis Bandar Raya Petaling Jaya</b>	15
3.1 Visi	16
3.2 Misi	16
3.3 Moto	
3.4 Prinsip dan Nilai	
3.5 Hala Tuju Jabatan / Unit	17
<b>4. Strategi dan Formulasi Tindakan</b>	18
4.1 Pencapaian Teras-teras Strategik Tahun 2016 - 2019 & 2020	19
4.2 Strategi dan Formulasi Tindakan Pelan Strategik Bagi Tahun 2021 - 2025	20
4.3 Pelan Tindakan Strategik	
4.3.1 Teras 1 : Melaksanakan Tadbir Urus Yang Cekap, Berkesan dan Berintegriti.	23
4.3.2 Teras 2 : Memastikan Perancangan Pembangunan Teratur, Mampan dan Peduli Komuniti (Inklusif).	41
4.3.3 Teras 3 : Memperluaskan Penggunaan Teknologi ICT dan Aplikasi Dalam Semua Aspek Pengurusan dan Perkhidmatan Perbandaran.	69
4.3.4 Teras 4 : Menambah Nilai Tinggi Kepada Ekonomi Bandar dan Hasil Majlis.	78
<b>5. Implementasi ke Arah Kejayaan</b>	86
5.1 Mekanisma Pelaksanaan Pemantauan dan Penilaian	87
5.2 Strategi Komunikasi Pelan Strategik	88
5.3 Elemen Penentu Kejayaan	89
<b>6. Pencapaian</b>	90
<b>7. Penutup</b>	95
<b>8. Glosari dan Rujukan</b>	97

# BAB 1

# PENDAHULUAN



## PERUTUSAN DATUK BANDAR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Pelan Strategik Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2021 - 2025 dapat diterbitkan.

Bagi mewujudkan kelangsungan perancangan dan pelaksanaan serta sinergi dalam kalangan warga kerja MBPJ ke arah mencapai matlamat organisasi, Pelan Strategik 2021 - 2025 telah digubal sebagai dokumen rujukan yang menzahirkan falsafah, hala tuju dan inisiatif strategik. Melalui pendekatan Bandar Pintar, Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) dan *Internet of Things* (IoT), MBPJ akan sentiasa memacu usaha dalam melestarikan perkhidmatan terbaik serta pembangunan yang bersepadu dan mampan.

Pelan Strategik ini juga bersifat luas dan praktikal, seiring dengan senario tadbir urus semasa di samping mengetengahkan pendekatan baharu dalam Pelan Strategik organisasi. Bermatlamatkan visi, "Petaling Jaya ke Arah Bandar Raya Pintar, Mampan, Berdaya Tahan, dan Dinamik Menjelang 2025", jelas memperincikan bahawa segala aspek pengurusan, pembangunan perancangan, penyediaan prasarana dan infrastruktur, kestabilan ekonomi dan kesejahteraan komuniti merupakan fokus-fokus utama yang diberi penekanan di dalam Pelan Strategik ini bagi mewujudkan sebuah bandar raya yang kondusif untuk bekerja dan didiami oleh semua.

Mengambil kira perkembangan semasa dan kedudukan strategik bandar raya Petaling Jaya, tidak mustahil ia dapat direalisasikan menjadi sebuah bandar raya pintar yang bertaraf antarabangsa dari pelbagai aspek sama ada pelaburan, peluang pekerjaan, kemantapan pembangunan fizikal dan kecanggihan prasarana berteraskan teknologi maklumat yang akan melonjakkan Petaling Jaya seiring dengan bandar raya antarabangsa yang lain.

bertaraf antarabangsa dari pelbagai aspek sama ada pelaburan, peluang pekerjaan, kemantapan pembangunan fizikal dan kecanggihan prasarana berteraskan teknologi maklumat yang akan melonjakkan Petaling Jaya seiring dengan bandar raya antarabangsa yang lain.

Melalui penyediaan Pelan Strategik ini, kita perlu peka dan sentiasa memantau pelaksanaan program dan aktiviti yang telah ditetapkan. Setiap fokus itu mempunyai kepelbagaiannya aktiviti dan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi menghasilkan output dan impak keberhasilan yang signifikan. Justeru, Pelan Strategik 2021 - 2025 ini akan menjadi wadah dan manifestasi oleh warga kerja MBPJ terhadap ketersediaan menggalas tanggungjawab dan memberikan komitmen penuh dalam sistem penyampaian perkhidmatan.

Akhir kata, saya menyeru seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya agar kita sama-sama dapat menghayati setiap inti pati yang terkandung dalam pelan ini. Kita juga perlu memberikan komitmen penuh dengan menzahirkan setiap teras serta strategik yang telah dirancang bagi memacu MBPJ ke arah bandar raya pintar yang sentiasa progresif, responsif dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

DATO' MOHD SAYUTHI BIN BAKAR, D.P.M.S, S.M.S.  
Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2021 - 2025 merupakan satu pelan yang dikaji semula supaya selaras dengan perubahan persekitaran dan hala tuju semasa. Penggubalan pelan strategik ini dibuat dengan penganjuran beberapa siri bengkel dan gabungan input daripada semua Jabatan dan Unit di MBPJ.

Pelan strategik ini menekankan pendekatan *Petaling Jaya Smart City* seiring dengan Dasar Kerajaan Negeri Selangor dalam melestarikan perkhidmatan terbaik serta pembangunan yang bersepadu, berdaya tahan dan mampan. Bertepatan dengan pendekatan *Petaling Jaya Smart City* dalam menghadapi cabaran semasa akibat pandemik Covid-19, MBPJ turut membudayakan norma baharu dalam pentadbiran. MBPJ memanfaatkan pelbagai medium platform digital dan teknologi terkini sebagai salah satu inisiatif terbaik untuk diadaptasi dalam pengurusan Majlis dan perkhidmatan yang diberikan kepada komuniti di Petaling Jaya.

Turut diambil kira dalam kajian pelan ini ialah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 di mana ianya adalah iltizam untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya juga menerima pakai Agenda Perbandaran Baharu dalam merangka teras pelan strategik ini untuk memastikan pembangunan bandar yang standard diterima pakai dalam konteks tempatan, khususnya Jabatan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Strategi bagi setiap teras pelan ini dirangka berpandukan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) yang meliputi pembangunan ekonomi bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat dengan penggunaan sumber yang bijaksana dan memastikan pemuliharaan terhadap alam sekitar dilaksanakan dalam skala besar untuk melihat hasilnya.

Berdasarkan matlamat-matlamat yang ditetapkan, berikut ialah teras-teras pelan strategik yang telah dirumuskan ke arah pengurusan dan perkhidmatan yang sentiasa progresif, responsif dan berdaya saing di Majlis Bandaraya Petaling Jaya:



# **BAB 2**

## **PENGENALAN KEPADA MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

**PENGENALAN**

## LATAR BELAKANG ORGANISASI

### 1950-an

Pada awal tahun 50-an, Kuala Lumpur telah mengalami kesesakan akibat pertambahan penduduk yang terlalu pesat dan banyak setinggan wujud di kawasan pinggir Kuala Lumpur.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri Selangor telah mengenal pasti "Effingham Estate" iaitu tanah kebun getah seluas 1,200 ekar di Jalan Klang Lama bagi mewujudkan sebuah petempatan baharu yang dikenali sebagai Petaling Jaya.

1964

Petaling Jaya melakar sejarah baru pada 1 Januari 1964 apabila Negeri Selangor mewartakan sebuah lembaga bandaran yang memiliki autonomi kewangan untuk mentadbir bandar ini.

1954

Pihak yang diberi kepercayaan untuk mengurus tadbir petempatan baharu ini diserahkan kepada pegawai daerah Kuala Lumpur dan Lembaga Petaling Jaya sebelum diambil alih oleh sebuah badan berkanun iaitu Petaling Jaya Authority.

1977

Lembaga Bandaran Petaling Jaya telah dinaikkan tarafnya kepada Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) berikut pengubahan Akta Kerajaan Tempatan 1976 oleh kerajaan.

2006

Pada 20 Jun 2006, Majlis Perbandaran Petaling Jaya telah dinaik taraf kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya.




Kini kawasan pentadbiran MBPJ berkeluasan 97.2 kilometer persegi, kian pesat membangun. Petaling Jaya mempunyai jumlah penduduk lebih 793,636 orang dan bilangan pegangan harta sebanyak 254,174. Petaling Jaya kini dikenali sebagai pusat pertumbuhan yang terunggul di Negeri Selangor.

Pentadbiran Majlis terdiri daripada 25 orang Ahli Majlis dan diketuai oleh seorang Datuk Bandar. Ahli Majlis adalah dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Datuk Bandar adalah seorang pegawai Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh pentadbiran negeri selepas mendapat persetujuan Menteri Besar. Datuk Bandar bertugas sepenuh masa dibantu oleh seorang Timbalan Datuk Bandar dan Ketua-ketua Jabatan dalam menetapkan dan melaksanakan visi, misi, dasar kualiti, objektif dan aktiviti Majlis. Majlis meluluskan draf undang-undang Majlis dan membentuk polisi-polisi untuk dilaksanakan oleh jabatan. Dalam menjalankan tugasnya, beberapa jawatankuasa Majlis telah diwujudkan.

# KAWASAN PENTADBIRAN

Keluasan : 97.2 Km Persegi




# MAKLUMAT UMUM PETALING JAYA

Penduduk	: 793,636 Orang	Stadium	: 2
Bunga Rasmi	: Bunga Inai Merah (Lagerstromia Indica)	Dewan Serbaguna	: 34
Pusat Bandar	: 23	/ Balai Raya	
IPTA	: 3	Pusat Kesihatan	: 5
IPTS / Kolej	: 49	Kerajaan	
Sek. Men.	: 27	Hospital / Pusat	: 3
Bantuan Kerajaan		Kesihatan Swasta	
Sek. Men. Swasta	: 3	Pusat	: 18
Sek. Ren. Bantuan	: 41	Membeli-Belah	
Kerajaan		Gerai / Pasar /	: 7,989
Sek. Rendah	: 6	Penjaja	
Swasta		Hotel	: 18
SRJK (Cina)	: 7	Bilangan Industri	: 3,245
SRJK (India)	: 4	Pusat Bandar	
Sek. Ren. Agama	: 7	Separo Wilayah	
Tadika	: 101	(Pusat Bandar	
Taska	: 85	Seksyen 52,	
Pusat Jagaan	: 73	Pusat Bandar	
Masjid	: 28	Kelana Jaya)	
Kuil	: 9	Pegangan Harta	: 265,364
Tokong	: 9	/ Premis	
Gereja	: 15	(Kediaman /	
		Perniagaan /	
		Perusahaan /	
		Perdagangan &	
		Perindustrian)	



# CARTA ORGANISASI



## FUNGSI & PERANAN

### **1. PERANCANGAN DAN KAWALAN PEMBANGUNAN BANDAR**

Menentukan hala tuju dan trend pembangunan bandar raya Petaling Jaya seiring dengan misi nasional dan visi pengantarabangsaan Selangor serta memastikan aktiviti pembangunan dilaksanakan mengikut rancangan pemajuan yang diwartakan.

### **2. PENYEDIAAN DAN PENYELENGGARAAN JALAN DI DALAM BANDAR RAYA**

Menyediakan pelan induk jalan raya yang komprehensif dengan penekanan terhadap aspek reka bentuk moden dan sistematik serta melaksanakan projek-projek pembinaan dan penyelenggaraan yang berkualiti.

### **3. PENYEDIAAN DAN PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN AWAM**

Mengenal pasti keperluan dari segenap lapisan masyarakat dan menyediakan infrastruktur serta kemudahan awam yang terbaik buat warga bandar raya.

### **4. PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN PERBANDARAN**

Memaklumkan dan mendidik masyarakat dan warga bandar raya untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang diwujudkan. Menguatkuasakan perundangan sebagaimana diperuntukkan di dalam akta dan undang-undang kecil bagi melahirkan sebuah bandar raya yang selamat dan sejahtera.

### **5. MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN & KAWALAN KESIHATAN BANDAR RAYA**

Menyediakan perkhidmatan perbandaran dan kesihatan awam yang profesional dan berkualiti selaras dengan akta dan undang-undang kecil yang dikuatkuasakan.

### **6. PENGINDAHAN DAN KECERIAAN BANDAR**

Mewujudkan persekitaran bandar raya yang indah, selesa, selamat dan bersih serta menyediakan kemudahan rekreasi yang pelbagai.

### **7. PENGURUSAN SISTEM SALIRAN MESRA ALAM**

Membangunkan infrastruktur saliran yang mesra alam bagi memastikan masalah banjir dapat diatasi dan menyediakan sistem perparitan yang berkualiti dan responsif seiring dengan keperluan pembangunan.

### **8. PENGURUSAN CUKAI HARTA DAN SUMBER-SUMBER HASIL SOKONGAN**

Menguruskan hasil cukai harta berdasarkan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di samping meningkatkan hasil melalui punca-punca hasil lain dalam mengukuhkan kedudukan kewangan.

### **9. PENGAWALAN AKTIVITI PERNIAGAAN MELALUI PENGETAHUAN DAN PENGELUARAN LESEN PERNIAGAAN**

Mengawal aktiviti perniagaan melalui pengeluaran lesen premis perniagaan dan iklan selaras dengan dasar dan undang-undang yang dikuatkuasakan.

### **10. PENGURUSAN LALU LINTAS DAN PENGANGKUTAN AWAM**

Membangunkan sistem lalu lintas dan pengangkutan awam yang efisien, pintar dan sistematik bagi memberikan kepuasan pengguna jalan raya dan pejalan kaki.

### **11. PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI BANDAR**

Memangkin pembangunan secara berkesan untuk meningkatkan taraf sosial dan ekonomi bandar raya Petaling Jaya, melalui kerjasama bijak dengan pelbagai pihak termasuk pemaju, pengilang, peniaga dan sebagainya.

### **12. PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN**

Membangunkan satu masyarakat yang progresif di mana semua rakyat menikmati kesejahteraan hidup yang tinggi, di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan Negara.

## PUNCA KUASA

- ☒ Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]
- ☒ Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]
- ☒ Akta Perancangan Bandar dan desa 1976 [Akta 172]
- ☒ Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]
- ☒ Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]
- ☒ Akta Syarikat 2016 [Akta 777]
- ☒ Akta Kontrak 1950 [Akta 136]
- ☒ Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 [Akta 154]
- ☒ Akta Had Masa 1953 [Akta 254]
- ☒ Akta Makanan 1983 [Akta 281]
- ☒ Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]
- ☒ Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388]
- ☒ Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514]
- ☒ Akta Keterangan 1950 [Akta 56]
- ☒ Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197]
- ☒ Kanun Keseksaan [Akta 574]
- ☒ Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]
- ☒ Kaedah-kaedah Mahkamah 2012
- ☒ Undang-undang Kecil, Perintah, Peraturan dan Kaedah yang digubal di bawah akta-akta di atas dan disokong oleh dasar,
- ☒ Pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan Majlis.

## PIHAK BERKEPENTINGAN ORGANISASI

MBPJ sentiasa terlibat dengan pihak-pihak luar dan pihak berkepentingan dalam menyampaikan dan melaksanakan perkhidmatan yang diberikan. Pihak-pihak luar dan/atau pihak berkepentingan ini boleh dikategorikan kepada kumpulan berikut:



MBPJ telah mengenal pasti pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan dalam pelaksanaan, serta keperluan mereka, seperti jadual dibawah:

PIHAK BERKEPENTINGAN	KEPERLUAN
<b>SUK</b>	1. Majlis mematuhi akta dan perundangan berkaitan 2. Majlis mematuhi arahan
<b>Ahli Majlis</b>	1. Komunikasi maklumat yang cepat dan tepat
<b>Pengurusan MBPJ</b>	1. Perkhidmatan/barangan yang berkualiti 2. Perkhidmatan yang efisien oleh kakitangan 3. Kontrak yang menjaga kepentingan Majlis 4. Mengurangkan aduan pelanggan
<b>Kakitangan MBPJ</b>	1. Gaji pada masa yang ditetapkan 2. Tuntutan pada masa yang ditetapkan 3. Kebajikan pekerja dijaga 4. Kenaikan pangkat dan gaji yang setara 5. Keperluan latihan mengikut skim kemahiran
<b>Pelabur</b>	1. Perkhidmatan yang berkualiti 2. Mesra pelanggan 3. Komunikasi maklumat yang cepat dan tepat
<b>Pembekal/Kontraktor</b>	1. Bayaran ikut masa yang ditetapkan 2. Lantikan pembekal secara telus
<b>Pemaju</b>	1. Kelulusan pemajuan pembangunan dalam tempoh yang ditetapkan 2. Pelan perancangan pembangunan yang berterusan
<b>Sektor Industri, Penduduk Tempatan, Badan Profesional dan Institusi Pendidikan</b>	1. Perkhidmatan yang berkualiti 2. Mesra pelanggan 3. Komunikasi maklumat yang cepat dan tepat

## ISU-ISU DAN CABARAN DALAMAN DAN LUARAN

Pihak pengurusan MBPJ telah mengenal pasti faktor luaran dan faktor dalaman yang relevan kepada peranan MBPJ dan hala tuju strategik MBPJ serta kesannya kepada kebolehcapaian sasaran Sistem Pengurusan Kualiti MBPJ melalui empat (4) Teras Utama dan Objektif Strategik. Proses pengenalpastian ini telah dilaksanakan semasa membincangkan senario persekitaran MBPJ sebagai input kepada pembangunan Pelan Strategik MBPJ 2021 - 2025. MBPJ mengenal pasti hasil-hasil yang dikehendaki berkaitan dalam pelaksanaan, serta isu-isu dalaman dan luaran yang dihadapi untuk mencapai hasil tersebut, seperti jadual dibawah:

	HASIL YANG DIKEHENDAKI	TERAS PELAN STRATEGIK MBPJ	ISU DALAMAN	ISU LUARAN
1.	Memperkasakan perkhidmatan yang efisien kepada pelanggan.	Teras 1 : Melaksanakan Tadbir Urus Yang Cekap, Berkesan dan Berintegriti	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tabir urus organisasi kurang sistematik.</li> <li>ii. Kurang kompetensi warga MBPJ dalam penyampaian perkhidmatan.</li> <li>iii. Penggunaan ICT tidak optimum.</li> <li>iv. Infrastruktur terhad.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memenuhi keperluan masyarakat PJ.</li> <li>ii. Kefahaman warga PJ terhadap polisi atau dasar MBPJ rendah.</li> </ul>
2.	Pembangunan mampan dan hijau dapat diuruskan dengan urus tadbir yang baik.	Teras 2 : Memastikan Perancangan Pembangunan Teratur, Mampan dan Peduli Komuniti (Inklusif)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelaksanaan transformasi MBPJ ke arah bandar rendah karbon kurang efisien.</li> <li>ii. Pelaksanaan pelan transformasi mengambil masa yang panjang.</li> <li>iii. Kontraktor yang dilantik tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kefahaman warga PJ terhadap pelaksanaan pembangunan mampan dan hijau.</li> <li>ii. Kekurangan kemudahan taman rekreasi.</li> </ul>
3.	Kebolehpercayaan kepada tahap kepuasan dan integriti kakitangan meningkat.	Teras 1 : Melaksanakan Tadbir Urus Yang Cekap, Berkesan dan Berintegriti	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemerkasaan jawatan tidak di selaraskan bagi semua peringkat jawatan.</li> <li>ii. Persekitaran kerja yang kurang selamat dan kurang kondusif.</li> <li>iii. Kurang kompetensi warga MBPJ dalam penyampaian perkhidmatan.</li> <li>iv. Warga MBPJ tidak bersedia menerima perubahan selaras dengan arus pembangunan semasa.</li> <li>v. Komunikasi terhad.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kefahaman warga PJ yang rendah terhadap polisi / SOP atau dasar MBPJ.</li> <li>ii. Halangan komunikasi.</li> </ul>

4.	Penyelenggaraan infrastruktur yang terancang dan sistematis	Teras 1 : Melaksanakan Tadbir Urus Yang Cekap, Berkesan dan Berintegriti  Teras 2 : Memastikan Perancangan Pembangunan Teratur, Mampan dan Peduli Komuniti (Inklusif)	i. Kekangan peruntukan. ii. Kekurangan kakitangan dan peralatan. iii. Penentuan kod bidang dalam proses lantikan kontraktor yang berubah-ubah. iv. Material untuk kerja-kerja penyelenggaraan lewat diperolehi.	i. Kontraktor di tapak yang dilantik tidak mematuhi spesifikasi serta syarat-syarat yang ditetapkan di dalam dokumen kontrak. ii. Faktor cuaca
5.	Pembangunan pengurusan yang dinamik dan berintegriti	Teras 1 : Melaksanakan Tadbir Urus Yang Cekap, Berkesan dan Berintegriti	i. Warga MBPJ kurang penghayatan terhadap modul kursus/bengkel yang telah dirangka dan dilaksanakan. ii. Kekangan peruntukan untuk latihan berkaitan/dikenal pasti	i. Ketidakpatuhan undang-undang yang ditetapkan. ii. Kurang kefahaman terhadap pengurusan pentadbiran.
6.	Pembudayaan penguasaan ICT dalam kalangan warga Majlis dan pelanggan.	Teras 3 : Memperluaskan Penggunaan Teknologi ICT dan Aplikasi Dalam Semua Aspek Pengurusan dan Perkhidmatan Perbandaran	i. Penggunaan ICT tidak optimum. ii. Infrastruktur ICT kurang lengkap. iii. Pembudayaan ICT kurang menyeluruh. iv. Peningkatan kecekapan sistem penyampaian kurang efisien.	i. Perkembangan teknologi ICT yang pantas.
7.	Perkongsian pintar komuniti dan pihak berkepentingan.	Teras 1 : Melaksanakan Tadbir Urus Yang Cekap, Berkesan dan Berintegriti  Teras 2 : Memastikan Perancangan Pembangunan Teratur, Mampan dan Peduli Komuniti (Inklusif)	i. Kurangnya komunikasi dengan komuniti dan stakeholder	i. Peranan Majlis Perwakilan Penduduk kurang prihatin dalam usaha untuk menyampaikan informasi terkini berkaitan MBPJ.
8.	Memperkuuhkan kutipan hasil.	Teras 4 : Menambah Nilai Tinggi Kepada Ekonomi Bandar dan Hasil Majlis.	i. Sistem E-billing masih dalam proses pembangunan ii. Penguatkuasaan dalam kutipan hasil kurang efisien.	i. Pemilik harta gagal dikesan. ii. Penunggak tegar. iii. Peniaga haram.

## PLATFORM INTERAKSI BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN ORGANISASI

Majlis Bandaraya Petaling Jaya sentiasa terlibat dengan pihak-pihak luar dan pihak berkepentingan dalam menyampaikan dan melaksanakan perkhidmatan yang diberikan. Ini telah diterjemahkan menerusi penyediaan platform interaksi yang diwujudkan, inklusiviti di dalam membentuk dasar dan pelaksanaan agenda pembangunan untuk warga bandar raya. Kami percaya, bahawa setiap keperluan dan ekspektasi wajar diberikan perhatian yang sewajarnya. Setiap perancangan perlu disusuli dengan hikmah di dalam mengatur keutamaan untuk memastikan impak yang optimum.



# BAB 3

## HALA TUJU STRATEGIK

# MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

## HALA TUJU STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA



**Petaling Jaya ke Arah Bandar Raya  
Pintar, Mampan, Berdaya Tahan dan Dinamik  
Menjelang 2025.**



**MISI**

**Melaksanakan Agenda Perbandaran  
Pintar, Mampan, Berdaya Tahan dan Dinamik  
Menerusi Tadbir Urus Cekap, Berkesan dan  
Peduli Komuniti.**



**MOTO**

**“MESRA, CEPAT DAN TEPAT  
– Kualiti Keutamaan Kami”**



**PRINSIP  
DAN NILAI**

**“BERINTEGRITI, PRIHATIN, PROAKTIF  
DAN INOVATIF”**



**OBJEKTIF**

**Komitmen Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
Adalah Memberikan Perkhidmatan Yang  
Berkualiti Kepada Semua Komuniti  
Di Petaling Jaya**



## HALA TUJU JABATAN / UNIT

Jabatan / Unit	Hala Tuju
Jabatan Perancangan Pembangunan	Merancang Bandar Raya Mampan dan Berdaya Huni
Jabatan Khidmat Pengurusan	Memberi Perkhidmatan Sokongan Yang Cekap dan Tadbir Urus Pengurusan Yang Cemerlang
Jabatan Perbendaharaan	Memastikan Satu Sistem Pengurusan Yang Cekap dan Berkesan ke Atas Kewangan dan Perakaunan Majlis
Jabatan Kejuruteraan	Menyelenggara dan Memperkasakan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Aset Bangunan Majlis Sentiasa Dalam Keadaan Yang Optimum
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan & Persekutaran	Perkhidmatan Kesihatan Persekutaran Yang Responsif ke Arah Bandar Raya Sejahtera
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	Memacu Penggunaan Data Yang Telah Diintegrasikan Secara Digitalisasi di Dalam Mencambah Hasil Majlis
Jabatan Kawalan Bangunan	Memperkasakan Kawalan Pembangunan ke Arah Bandar Raya Lestari, Selamat dan Sihat Menjurus Kepada Karbon Rendah dan Berdaya Huni.
Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan	Penumpuan Kepada Pembentukan Persekutaran Yang Kondusif dan Masyarakat Petaling Jaya Yang Vibrant
Jabatan Penguatkuasaan	Menjadi Sebuah Organisasi Penguatkuasaan Yang Terulung, Efisien, Berintegriti dan Berdisiplin di Dalam Melaksanakan Tugas-tugas Penguatkuasaan.
Jabatan Lanskap	Menjadikan PJ Sebuah Bandar Raya Mampan, Berdaya Tahan, Sejahtera dan Hijau
Jabatan Pelesenan	Penyampaian Perkhidmatan Yang Lebih Cekap Dengan Membudayakan Teknologi dan Digital
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam	Menjadikan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam Sebagai Sebuah Pusat Kecemerlangan Circular City dan Rendah Karbon.
Unit Teknologi Maklumat	Penyampaian Perkhidmatan Secara Holistik dan Inklusif Dengan Memperluaskan Penggunaan Teknologi ICT dan Aplikasi Dalam Semua Aspek
Unit Komunikasi Korporat	Meningkatkan Imej Majlis Melalui Usaha Promosi dan Penyampaian Maklumat ke Arah Komunikasi Pintar Secara Meluas
Unit Perundungan	Komitded Dalam Menyediakan Perkhidmatan Perundungan Yang Berkualiti dan Memenuhi Keperluan Terkini
Unit Audit Dalam	Melaksanakan Pengauditan Yang Berkualiti dan Berintegriti
Unit Pusat Setempat (OSC)	Memudah Cara dan Melancarkan Proses Pembangunan Ekonomi Hartanah di MBPJ di Samping Dapat Menjamin Kesejahteraan Rakyat
Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)	Pemerkasaan Pemilik Strata (Empowerment) Dalam Menguruskan Skim Pembangunan Berstrata Di Bawah Pengurusan JMB/MC
Unit Integriti	Memastikan Warga Kerja Majlis Mengamalkan Budaya Kerja Unggul Dengan Ciri-ciri Moral dan Etika Yang Kukuh

# BAB 4

## STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

## PENCAPAIAN TERAS-TERAS STRATEGIK TAHUN 2016 - 2019

TERAS STRATEGIK	KETERANGAN TERAS STRATEGIK	PENCAPAIAN 2016 - 2019
Teras 1	Penyampaian perkhidmatan yang telus, imej korporat yang lebih kukuh, berakauntabiliti dan mesra rakyat	100% = 100/100 = 1.00
Teras 2	Mempertingkatkan pembangunan insaniah, keilmuan, kecergasan mental dan fizikal serta memartabatkan budaya	100% = 100/100 = 1.00
Teras 3	Pengurangan karbon dan pemuliharaan biodiversiti, tenaga dan sumber	100% = 100/100 = 1.00
Teras 4	Pengukuhan kewangan MBPJ dan menjana sosioekonomi masyarakat	99% = 99/100 = 0.99
JUMLAH PENCAPAIAN		3.99
Peratus Pencapaian Pelan Strategik		99%

## PENCAPAIAN TERAS-TERAS STRATEGIK TAHUN 2020

TERAS STRATEGIK	KETERANGAN TERAS STRATEGIK	PENCAPAIAN 2020
Teras 1	Penyampaian perkhidmatan yang telus, imej korporat yang lebih kukuh, berakauntabiliti dan mesra rakyat	100% = 400/400 = 1.00
Teras 2	Mempertingkatkan pembangunan insaniah, keilmuan, kecergasan mental dan fizikal serta memartabatkan budaya	100% = 200/700 = 0.285
Teras 3	Pengurangan karbon dan pemuliharaan biodiversiti, tenaga dan sumber	100% = 168/400 = 0.42
Teras 4	Pengukuhan kewangan MBPJ dan menjana sosioekonomi masyarakat	100% = 100/500 = 0.2
JUMLAH PENCAPAIAN		1.905
Peratus Pencapaian Pelan Strategik		47.6%

Secara keseluruhan Pelan Strategik MBPJ 2016 - 2019 berjaya dilaksanakan melalui empat teras untuk menyokong ke arah pemantapan perkhidmatan yang berkesan dengan pencapaian pelan strategik berjumlah 3.99 (99%). Sepanjang tahun 2020 merupakan tahun yang paling mencabar bagi Majlis untuk merealisasikan perancangan pelan strategik. Akibat penularan wabak pandemik Covid-19 seluruh negara bermula Mac sehingga penghujung tahun 2020, Majlis tidak berjaya mencapai sasaran teras-teras strategik untuk tahun 2020. Pencapaian pelan strategik MBPJ pada tahun 2020 berjumlah 1.905 (47.6%). Pada tahun 2021 – 2025 Majlis berhasrat untuk mencapai hala tuju strategik yang dirancangkan ke arah Petaling Jaya bandar raya pintar, mampan, berdaya tahan dan dinamik.



# STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN PELAN STRATEGIK BAGI TAHUN 2021 - 2025

Pelan Strategik ini lebih inklusif dalam konteks di mana iaanya dibina secara bersama oleh pihak pengurusan tertinggi di peringkat Jabatan / Unit dan warga kerja dengan mengambil kira *Petaling Jaya Smart City* seiring dengan dasar Kerajaan Negeri Selangor, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dan juga Agenda Perbandaran Baharu selain turut membudayakan pentadbiran secara norma baharu dengan penggunaan pelbagai platform digital dan teknologi terkini dalam menghadapi cabaran pandemik Covid-19. Buku Pelan Strategik ini mengambil kira jangkaan dan harapan semua pihak berkepentingan dan ianya telah diselaraskan dengan isu-isu strategik utama yang telah dibangunkan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Penggubalan Pelan Strategik ini lebih diberikan tumpuan bagi menghasilkan suatu transformasi yang boleh dilihat dan diukur oleh warga bandar raya malahan dokumen ini begitu menekankan aspek penyampaian perkhidmatan dan pembangunan bandar raya yang lebih cekap dan berkesan.



## OBJEKTIF TERAS

1	2	3	3
 Memantapkan tadbir urus terbaik dalam sistem penyampaian perkhidmatan yang dinamik.	 Mewujudkan komuniti yang seimbang dan sejahtera menerusi kelestarian dalam perancangan pembangunan	 Memacu transformasi petaling jaya ke arah bandaraya pintar dalam menghadapi cabaran masa hadapan .	 Membangunkan ekonomi ke tahap yang lebih progresif, kukuh dan berdaya saing dengan penyertaan komuniti yang menyeluruh di semua peringkat

## TERAS 1 : Melaksanakan Tadbir Urus Yang Cekap, Berkesan dan Berintegriti

<b>Strategi 1</b> Pengurusan pentadbiran yang berakauntabiliti	 SDG 16 Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Kukuh	<b>Strategi 5</b> Memperkasa modal insan yang profesional berintegriti dan kompeten	 SDG 10 Pengurangan Ketidaksaksamaan
<b>Strategi 2</b> Memantapkan pengurusan kewangan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan	 SDG 8 Pekerjaan Memuaskan dan Pertumbuhan Ekonomi	<b>Strategi 6</b> Memastikan pematuhan kualiti dalam penyampaian perkhidmatan	 SDG 11 Bandar dan Masyarakat Yang Mampan
<b>Strategi 3</b> Memantapkan sistem perkhidmatan pelanggan	 SDG 12 Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	<b>Strategi 7</b> Meningkatkan <i>community engagement</i> di dalam perancangan pembangunan	 SDG 12 Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab
<b>Strategi 4</b> Memantapkan penguatkuasaan berlandaskan undang-undang dan peraturan	 SDG 16 Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Kukuh	<b>Strategi 8</b> Melindungi kepentingan Majlis melalui perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi, cekap dan berkesan	 SDG 17 Kerjasama Demi Matlamat
	 SDG 16 Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Kukuh		 SDG 16 Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Kukuh

## TERAS 2 : Memastikan Perancangan Pembangunan Teratur, Mampan dan Peduli Komuniti (Inklusif)

<b>Strategi 1</b> Memperkuatkukan perancangan pembangunan mampan	 SDG 7 Tenaga Yang Berpatutan dan Bersih	<b>Strategi 5</b> Menyediakan jaringan pengangkutan dan mobiliti yang cekap	 SDG 9 Industri, Inovasi dan Infrastruktur
<b>Strategi 2</b> Memperkuuh usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan kelestarian bandar hijau	 SDG 11 Bandar dan Masyarakat Yang Mampan	<b>Strategi 6</b> Memperkasakan pembangunan bandar raya berdaya huni	 SDG 3 Kesihatan Baik dan Kesejahteraan
	 SDG 11 Bandar dan Masyarakat Yang Mampan		 SDG 11 Bandar dan Masyarakat Yang Mampan
<b>Strategi 3</b> Meningkatkan kualiti hidup komuniti yang sejahtera dan harmoni	 SDG 13 Tindakan Terhadap Iklim	<b>Strategi 7</b> Memacu masyarakat berilmu dan pembelajaran sepanjang hayat	 SDG 4 Pendidikan Berkualiti
<b>Strategi 4</b> Memperkasa persekitaran yang inklusif dan selamat	 SDG 14 Kehidupan di Dalam Air	<b>Strategi 8</b> Menambah baik perkongsian amalan baik ( <i>best practices</i> ), <i>best solution</i> , <i>new standard</i> dalam pembangunan perbandaran	 SDG 5 Kesaksamaan Gender
	 SDG 15 Kehidupan di Darat		 SDG 9 Industri, Inovasi dan Infrastruktur
	 SDG 3 Kesihatan Baik dan Kesejahteraan		 SDG 11 Bandar dan Masyarakat Yang Mampan
	 SDG 3 Kesihatan Baik dan Kesejahteraan		 SDG 11 Bandar dan Masyarakat Yang Mampan
	 SDG 6 Air Bersih dan Sanitasi		

### TERAS 3 : Memperluaskan Penggunaan Teknologi ICT dan Aplikasi Dalam Semua Aspek Pengurusan dan Perkhidmatan Perbandaran

#### Strategi 1

Membangunkan penggunaan teknologi terkini *smart solution* ke arah mencapai PJ *Smart City*

**8** DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH



**SDG 8**

Pekerjaan Memuaskan dan Pertumbuhan Ekonomi

**9** INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE



**SDG 9**

Industri, Inovasi dan Infrastruktur

#### Strategi 4

Membangunkan infrastruktur dan prasarana secara meluas bagi memastikan keselamatan data

**9** INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE



**SDG 9**

Industri, Inovasi dan Infrastruktur

#### Strategi 2

Meningkat dan memantapkan perkhidmatan secara online bagi perkhidmatan utama Majlis

**9** INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE



**SDG 9**

Industri, Inovasi dan Infrastruktur

#### Strategi 5

Memperluaskan kemudahan akses maklumat dan komunikasi terkawal

**9** INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE



**SDG 9**

Industri, Inovasi dan Infrastruktur

#### Strategi 3

Meningkatkan pelaksanaan sistem kerja secara digital dan penggunaan *internet of things* (IoT)

**9** INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE



**SDG 9**

Industri, Inovasi dan Infrastruktur

### TERAS 4 : Menambah Nilai Tinggi Kepada Ekonomi Bandar dan Hasil Majlis

#### Strategi 1

Memperkuatkukan kewangan, meningkatkan hasil dan penerokaan sumber baru

**8** DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH



**SDG 8**

Pekerjaan Memuaskan dan Pertumbuhan Ekonomi

#### Strategi 4

Meningkatkan penyediaan fasilitati pelaburan yang selamat dan kondusif

**8** DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH



**SDG 8**

Pekerjaan Memuaskan dan Pertumbuhan Ekonomi

#### Strategi 2

Memperkasakan pertumbuhan ekonomi bandar raya yang berdaya saing dan *vibrant*

**8** DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH



**SDG 8**

Pekerjaan Memuaskan dan Pertumbuhan Ekonomi

#### Strategi 5

Pengurusan asset dan fasiliti yang lebih cekap dan berkesan

**9** INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE



**SDG 9**

Industri, Inovasi dan Infrastruktur

#### Strategi 3

Menggalakkan pembangunan sosioekonomi masyarakat Petaling Jaya berasaskan nilai-nilai keterangkuman, keadilan sosial dan saksamaan

**1** NO POVERTY



**SDG 1**

Tiada Kemiskinan

**2** ZERO HUNGER



**SDG 2**

Tiada Kelaparan

**8** DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH



**SDG 8**

Pekerjaan Memuaskan dan Pertumbuhan Ekonomi

## PELAN TINDAKAN STRATEGIK

# TERAS 1: Melaksanakan Tadbir Urus Yang Cekap, Berkesan dan Berintegriti

**Strategi 1:** Pengurusan pentadbiran yang berakauntabiliti



SDG 16

Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Kukuh

**Strategi 2:** Memantapkan pengurusan kewangan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan



SDG 8

Pekerjaan Memuaskan dan Pertumbuhan Ekonomi



SDG 12

Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab

**Strategi 3:** Memantapkan sistem perkhidmatan pelanggan



SDG 16

Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Kukuh

**Strategi 4:** Memantapkan penguatkuasaan berlandaskan undang-undang dan peraturan



SDG 16

Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Kukuh

**Strategi 5:** Memperkasa modal insan yang profesional berintegriti dan kompeten



SDG 10

Pengurangan Ketidaksaksamaan



SDG 11

Bandar dan Masyarakat Yang Mampan

**Strategi 6:** Memastikan pematuhan kualiti dalam penyampaian perkhidmatan



SDG 12

Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab

**Strategi 7:** Meningkatkan *Community Engagement* di dalam perancangan pembangunan



SDG 17

Kerjasama Demi Matlamat

**Strategi 8:** Melindungi kepentingan Majlis melalui perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi, cekap dan berkesan



SDG 16

Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Kukuh

**TERAS 1: Melaksanakan Tadbir Urus Yang Cekap, Berkesan dan Berintegriti**

**Strategi 1:**  
Pengurusan  
Pentadbiran Yang  
Berakauntabiliti



**SDG 16**  
Keamanan, Keadilan dan  
Institusi Yang Kukuh

Program	KPI/Indikator Sasaran (Kuantiti / Kualiti)	Sasaran (Bil. / %)	Tempoh / Tahun	Jabatan / Unit Bertanggungjawab	OUTPUT	OUTCOME
Pengurusan mesyuarat yang cekap dan sempurna di peringkat Persekutuan, Negeri dan Jabatan.	Semua urusan mesyuarat dikendalikan dengan cekap dan minit-minit mesyuarat direkodkan dan disimpan dengan teratur.	Semua keputusan mesyuarat direkodkan dan dilaksanakan mengikut dasar dan peraturan (100%).  Minit-minit mesyuarat disimpan dengan teratur (100%).	2021 - 2025	Semua Jabatan	Pekeling dan dasar yang diputuskan.  Minit mesyuarat.	Semua keputusan pelaksanaan kerja mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.
Menyediakan keperluan sumber manusia yang kompeten, profesional dan berprestasi tinggi.	Perancangan Pembangunan Organisasi.  Pengurusan Penilaian Prestasi.  Pusingan kerja dan pelan penggantian.	Permohonan penstrukturkan organisasi bagi peningkatan kerjaya.  Pengiktirafan melalui pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang setiap tahun.  Mengadakan pusingan kerja bagi setiap kategori jawatan (setiap 5 tahun)	2021 - 2025	Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan	Penstrukturkan organisasi  Borang Penilaian Prestasi  Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang  Pertukaran dan kenaikan pangkat	Warga Majlis yang kompeten dan cekap.
Pengurusan aset yang cekap dan berkesan.	Senarai aset dan inventori yang lengkap  Pelaksanaan mesyuarat TPATA yang berkala.  Pemeriksaan aset dan inventori bagi memantau tahap guna pakai dan lokasi sebenar aset.	i. Mengadakan Daftar Aset Alih dan Tak Alih yang lengkap.  ii. Mengadakan senarai Daftar Inventori yang dikemas kini.	2021 - 2025	Semua Jabatan / Unit  Bahagian Aset dan Bekalan, Jabatan Khidmat Pengurusan	Senarai Aset Alih dan Tak Alih  Senarai Daftar Inventori	Senarai Aset dan inventori yang lengkap.
Pengurusan tawaran tender dan sebut harga yang cekap dan teratur.	Semua permohonan tender dan sebut harga diproses dan diputuskan mengikut peraturan.	Semua tawaran tender dan sebut harga diproses secara telus dan cepat (100%).	2021 - 2025	Semua Jabatan / Unit  Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan	Senarai tender dan sebut harga yang ditawarkan  Jadual mesyuarat tender dan sebut harga.	Setiap permohonan tender dan sebut harga diproses dan ditawarkan kepada syarikat yang berjaya.
Pengukuhan pematuhan dan pengurusan risiko organisasi.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko MBPJ  Laporan Analisa Risiko MBPJ  Melaksanakan pelan pengurusan risiko	2 kali setahun  2 kali setahun  Pematuhan pelan sekurang-kurangnya 80%	2021 - 2025	Jabatan Khidmat Pengurusan	Laporan Analisa Risiko MBPJ	Pengurusan risiko yang lebih berkesan.

Program	KPI/Indikator Sasaran (Kuantiti / Kualiti)	Sasaran (Bil. / %)	Tempoh / Tahun	Jabatan / Unit Bertanggungjawab	OUTPUT	OUTCOME
Memastikan laporan statistik permohonan, kelulusan, aduan dan kelulusan CCC dibentangkan di Mesyuarat bulanan Jawatankuasa OSC	Menyediakan dan melaporkan statistik permohonan, kelulusan, aduan dan kelulusan CCC dalam JK OSC.	Laporan dibentangkan 12 kali dalam tempoh setahun	Tahunan	Jabatan Kawalan Bangunan	Permohonan, kelulusan, aduan dan kelulusan CCC pada setiap bulan	Setiap permohonan mematuhi piagam pelanggan Jabatan.
Memperkasa sistem pengurusan penyelenggaraan landskap yang terbaik	Memastikan penyelenggaraan landskap oleh kontraktor di 37 zon.  Memastikan penyelenggaraan landskap oleh kontraktor di 14 nos. taman awam.  Memastikan penyelenggaraan landskap oleh 15 panel kontraktor dipantau.  Melaksanakan 'taskforce' pengauditan landskap.	Pencapaian prestasi setiap kontraktor $\geq$ 85% sepanjang tahun.  Pencapaian prestasi setiap Kontraktor $\geq$ 85% sepanjang tahun.  Pencapaian prestasi setiap kontraktor $\geq$ 85% sepanjang tahun.  Minimum 12 kali audit dalam setahun.	2021 - 2025	Jabatan Landskap	Laporan Bulanan Prestasi Kontraktor  Laporan Bulanan Prestasi Kontraktor  Laporan Bulanan Prestasi Kontraktor  Laporan Audit Prestasi Kontraktor	Memastikan landskap dalam keadaan terpelihara, kemas dan bersih.  Menjadi mekanisma pencapaian penilaian terhadap prestasi kontraktor.  Menjadi kaedah "check and balance" di dalam pengawalan pematuhan skop kerja oleh kontraktor.
Pengukuhkan integriti melalui penganjuran program integriti dan pengurusan aduan.	Penganjuran program bersama Unit Integriti Kerajaan Negeri, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan lain-lain agensi yang berkaitan sekurang-kurangnya 4 kali setahun.  Kempen Integriti melalui hebahan e-mel/poster sekurang-kurangnya 6 sesi.  Mengambil tindakan terhadap setiap aduan berkaitan integriti berdasarkan SOP pengurusan aduan.  Membangunkan Pelan Strategik Integriti.	100%  100%  100% aduan diambil tindakan dan ada keputusan.  Semakan semula pelan/kemas kini setiap 5 tahun sekali.	2021 - 2025	Unit Integriti.  E-mel/Poster  Laporan Pengesahan dan Pengesahan (P&P) aduan  Pelan Integriti Organisasi	Laporan program / aktiviti  E-mel/Poster  Laporan Pengesahan dan Pengesahan (P&P) aduan  Pelan Integriti Organisasi	Menerapkan nilai / budaya berintegriti dalam kalangan warga kerja MBPJ secara berterusan  Meningkatkan kefahaman dan kesedaran nilai-nilai murni.  Memastikan setiap aduan dapat keputusan dan diambil tindakan.  Garis panduan/hala tuju pelaksanaan integriti di MBPJ.
Melaksanakan audit dengan mematuhi perancangan audit tahunan.	Melaksanakan pengauditan dan laporan dihasilkan dibentangkan di dalam Mesyuarat JKAPK / MKSP / Mesyuarat Pengurusan.	Bilangan pengauditan yang akan dijalankan adalah sekurang-kurangnya 10 kali setahun dengan pencapaian 90%.	2021 - 2025	Unit Audit Dalam	Laporan Audit	Penilaian aspek kawalan dalam di dalam prestasi aktiviti pengurusan di setiap Jabatan/Unit dapat dilaksanakan secara berkala dan berkesan.

Program	KPI/Indikator Sasaran (Kuantiti / Kualiti)	Sasaran (Bil. / %)	Tempoh / Tahun	Jabatan / Unit Bertanggungjawab	OUTPUT	OUTCOME
Mematuhi dan melaksanakan pengauditan khas.	Melaksanakan pengauditan khas bagi memenuhi arahan Pihak Pengurusan / JKAPK.	Berdasarkan arahan Pihak Pengurusan / JKAPK dengan pencapaian 100%	2021 - 2025	Unit Audit Dalam	Laporan Audit	Memastikan isu-isu dibuat penambahbaikan, integriti dipelihara dan proses kerja dipatuhi.
Pengukuhan dan pemantapan tadbir urus ICT	Mesyuarat pengurusan ICT perlu diadakan :- i. Pemantauan projek ICT oleh jawatankuasa Majlis (12 kali dalam setahun) ii. Jawatankuasa Perkhidmatan, Korporat dan Teknologi Maklumat, Jawatankuasa Kecil ICT dan Teknikal melalui Mesyuarat Pengurusan ICT (Minimum 6 kali setahun)	100%  100%	2021 - 2025	Unit Teknologi Maklumat	Laporan pemantauan projek ICT	Projek-projek ICT dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang dirancangkan.

**TERAS 1:** Melaksanakan Tadbir Urus Yang Cekap, Berkesan dan Berintegriti

**Strategi 2 :**  
Memantapkan Pengurusan Kewangan Mengikut Peraturan dan Prosedur Yang Ditetapkan



**SDG 8**

Pekerjaan Memuaskan dan Pertumbuhan Ekonomi



**SDG 12**

Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab

Program	KPI/Indikator Sasaran (Kuantiti / Kualiti)	Sasaran (Bil. / %)	Tempoh / Tahun	Jabatan / Unit Bertanggungjawab	OUTPUT	OUTCOME
Pematuhan dasar Majlis berkenaan prosedur pembayaran	Pembayaran kepada pembekal/ penerima dalam tempoh 3 hari (bayaran biasa) dan 4 hari (bayaran kontrak) dengan syarat dokumen yang diterima lengkap daripada jabatan.	Setiap pembayaran kepada pembekal / penerima dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.  Sasaran pencapaian 95%	2021 - 2025	Jabatan Perbendaharaan	Laporan Daftar Bil Tertuggak  Notifikasi kepada penerima bayaran	Bayaran kepada pembekal / penerima dalam tempoh yang telah ditetapkan.
Melaksanakan audit dengan mematuhi perancangan audit tahunan.	Melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan dan laporan dihasilkan dibentang di dalam Mesyuarat JKAPK.	Bilangan pengauditan pengurusan kewangan yang akan dijalankan adalah sekurang-kurangnya 3 tajuk setahun dengan pencapaian 100%.	2021 - 2025	Unit Audit Dalam	Laporan Audit	Penilaian aspek kawalan dalam di dalam pengurusan kewangan di setiap Jabatan/Unit adalah mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

Program	KPI/Indikator Sasaran (Kuantiti / Kualiti)	Sasaran (Bil. / %)	Tempoh / Tahun	Jabatan / Unit Bertanggungjawab	OUTPUT	OUTCOME
Memastikan proses permohonan pelan parit dan jalan mematuhi prosedur yang ditetapkan	Setiap permohonan caruman menjelaskan caj <i>Improvement Service Fund</i> (ISF) dan caruman infrastruktur.	100%	2021 - 2025	Jabatan Kejuruteraan	Resit bukti pembayaran Pelan Jalan & Parit	Setiap pengeluaran Pelan Jalan & Parit telah dijelaskan caj ISF dan caruman infrastruktur.
Memproses permohonan permit guna jalan, korek jalan dan buka lurang.	Memastikan yuran bayaran permit guna jalan, korek jalan dan buka lurang untuk setiap permohonan dijelaskan mengikut kelulusan.	Yuran bayaran permit guna jalan, korek jalan dan buka lurang dijelaskan 100%.	2021 - 2025	Jabatan Kejuruteraan	Resit bukti pembayaran surat kelulusan	Setiap yuran permohonan permit guna jalan, korek jalan dan buka lurang dijelaskan mengikut kelulusan.

**TERAS 1 : Melaksanakan Tadbir Urus Yang Cekap, Berkesan dan Berintegriti**

**Strategi 3 :**  
Memantapkan Sistem Perkhidmatan Pelanggan



**SDG 16**  
Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Kukuh

Program	KPI/Indikator Sasaran (Kuantiti / Kualiti)	Sasaran (Bil. / %)	Tempoh / Tahun	Jabatan / Unit Bertanggungjawab	OUTPUT	OUTCOME
Mengadakan Hari Bertemu Pelanggan.	Hari Bertemu Pelanggan diadakan sebulan sekali pada minggu pertama	100%	2021-2025	Seksyen Aduan, Unit Komunikasi Korporat	Aduan awam	Penerimaan aduan awam dengan lebih mudah dan efisien
Mewujudkan sistem penilaian kepuasan pelanggan yang berurusan dengan pihak Majlis.	Pelanggan yang berurusan memberikan penilaian secara digital / borang penilaian.	Tahap kepuasan pelanggan melebihi 85%	2021 - 2025	Unit Teknologi Maklumat  Unit Komunikasi Korporat  Pejabat Cawangan PJ	Laporan kepuasan pelanggan	Meningkatkan mutu perkhidmatan pelanggan Majlis.
Memastikan semua aduan diberi maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan (aduan daripada semua sumber)	Maklum balas aduan diberikan kepada pelanggan dalam tempoh masa 14 hari.	100%	2021 - 2025	Seksyen Aduan, Unit Komunikasi Korporat	Maklum balas aduan pelanggan	Maklum balas aduan dikemas kini kepada pelanggan dalam tempoh masa yang ditetapkan
Menyusun skop kerja penyelenggaraan landskap mengikut aduan berkaitan landskap yang diterima.	Semakan setiap 6 bulan bagi kerja-kerja yang dirancang berdasarkan aduan.	100%	2021 - 2025	Semua Bahagian, Jabatan Landskap	Minit mesyuarat, laporan aduan dan tindakan	Memastikan aduan berkaitan landskap yang diterima diselesaikan dengan lebih sistematik dan cepat.
Memberi maklum balas terhadap aduan jalan rosak yang diterima melalui sistem WAZE yang disediakan oleh Menteri Besar Incorporated (MBI)	Memberikan maklum balas aduan dalam tempoh 24 jam di dalam sistem WAZE.	100%	2021 - 2025	Jabatan Kejuruteraan	Laporan tindakan aduan	Dapat memastikan setiap aduan daripada sistem WAZE diambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan.  Meningkatkan imej Majlis dengan menerima Anugerah Penghargaan Sistem IRS WAZE

Program	KPI/Indikator Sasaran (Kuantiti / Kualiti)	Sasaran (Bil. / %)	Tempoh / Tahun	Jabatan / Unit Bertanggungjawab	OUTPUT	OUTCOME
Memperkasa keberkesan Pasukan PANTAS.	Rondaan dan pemantauan isu berkaitan bencana alam.	Rondaan dan pemantauan setiap hari bagi setiap anggota 20 jam /sebulan.  Tindak balas aduan dalam tempoh 20 minit.	2021 - 2025	Jabatan Penguatkuasaan	Laporan dalam Mesyuarat Pengurusan Majlis	Tindakan penyelesaian aduan bencana alam dengan cepat dan pantas.
Memperkasa keberkesan unit PJ City Squad.	Rondaan dan pemantauan berkala bagi tugas multitasking Majlis.	Menjalankan rondaan dan pemantauan mengikut jadual dengan pencapaian 100%	2021 - 2025	Jabatan Penguatkuasaan	Laporan rondaan harian. Penyaluran maklumat / isu kepada Jabatan terlibat dalam tempoh 48 jam.	Tindakan proaktif melaporkan isu-isu berkaitan dan mengambil tindakan dengan segera.
Pemantauan servis kenderaan berdasarkan bacaan kilometer di odometer dan borang permohonan servis	Kerja-kerja servis kenderaan dan jentera mengikut jadual.	Servis kenderaan dan jentera dijadualkan berdasarkan kilometer (5000km - 8000km) atau 3 bulan	2021 - 2025	Jabatan Kejuruteraan	Borang KewPA 9 – Borang kerosakan kenderaan / jentera / peralatan bagi setiap kenderaan / jentera  Mengeluarkan service report daripada pihak pembekal.	Kenderaan dan jentera Majlis selamat digunakan oleh orang awam, pegawai dan kakitangan Majlis.
Melantik dan memantau panel syarikat lif dan eskalator di premis dan aset Majlis.	Menyelenggara setiap lif dan eskalator di premis dan aset Majlis.	Menyelenggara lif dan eskalator di premis Majlis dijalankan setiap bulan.	2021 - 2025	Jabatan Kejuruteraan	Laporan bulanan	Dapat memastikan lif dan eskalator dapat digunakan oleh orang awam dengan baik dan selamat.
Menyediakan kemudahan logistik untuk program Majlis bersama komuniti dan acara rasmi Majlis.	Memastikan kemudahan logistik untuk acara rasmi Majlis berdasarkan permohonan.	100%	2021 - 2025	Jabatan Kejuruteraan  Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan	Laporan permohonan dan surat/ e-mel kelulusan.	Dapat menyediakan kemudahan logistik bagi menjayakan program Majlis bersama komuniti
Mengurus dan memantau status permohonan pembangunan melalui sistem OSC 3 Plus dan melaporkan status permohonan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC	Permohonan pembangunan mencapai sasaran mengikut tempoh ketetapan.	100% permohonan pembangunan diberi keputusan dalam tempoh piagam	2021 - 2025	Unit Pusat Setempat (OSC)	Laporan Pemantauan Permohonan Pembangunan Minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC	Keputusan permohonan pembangunan dapat diberikan dalam tempoh yang ditetapkan.
Menganjurkan aktiviti bersama media.	Program sukan / sosial bersama pengamal media / Anugerah Penghargaan Media	1 kali setahun	2021 - 2025	Unit Komunikasi Korporat	Laporan media	Menjalankan hubungan baik dengan pengamal media.

# STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

